

25/01/1998

Indonesia dapat simpati dunia

Nazar Abdul

KRISIS mata wang dan ekonomi yang melanda Indonesia kini mendapat simpati beberapa pemimpin dunia yang prihatin terhadap kerajaan dan rakyat negara ini.

Mendahului mereka ialah Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton yang menelefon Presiden Suharto untuk menyampaikan rasa simpatinya terhadap keadaan dan nasib Indonesia sekarang.

Dalam hubungan itu, Clinton menyatakan kesediaan Amerika membantu Indonesia mengatasi masalah yang sedang dihadapi akibat angkara spekulator mata wang yang tidak bertanggungjawab.

Beliau juga menyokong Indonesia melaksanakan program Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan yakin masa sulit sekarang dapat segera diatasi.

Turut menelefon Presiden Suharto ialah Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto; Canselor Jerman, Helmut Kohl dan Perdana Menteri Australia, John Howard.

Dalam perbualan telefon dengan Presiden Suharto, Hashimoto menegaskan Jepun akan menyelaraskan usaha membantu Indonesia mengatasi krisis dengan badan antarabangsa lain seperti IMF, Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia.

Presiden Suharto pula menjelaskan asas ekonomi Indonesia tidak buruk sebaliknya sistem kewangan perlu diperbaiki setelah melalui masa pertumbuhan yang amat panjang.

Perdana Menteri Australia ketika menelefon Presiden Suharto juga menyatakan keprihatinan negaranya terhadap masalah yang dihadapi Indonesia berikutan krisis kewangan dan ekonomi sekarang.

Beliau memahami masalah yang dihadapi dan menghormati kemajuan ekonomi yang dicapai Indonesia di bawah pimpinan Presiden Suharto.

Presiden Suharto juga menjelaskan secara terperinci keadaan dalam negeri dan langkah yang diambil untuk menjamin kestabilan negara ini.

Canselor Kohl juga menyatakan keprihatinan negaranya terhadap krisis yang melanda Indonesia dan berharap Presiden Suharto dapat mengatasinya dengan bantuan IMF dan negara sahabat lain.

Keadaan ekonomi Indonesia yang dikatakan tenat menyebabkan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mengunjungi Presiden Suharto baru-baru ini.

Mereka saling bertukar-tukar fikiran mengenai masalah itu dan ingin mengetahui kedudukan sebenar krisis itu serta langkah yang diambil untuk mengatasinya.

Kedua-dua pemimpin negara Asean yakin dengan komitmen Presiden Suharto untuk melakukan perubahan ekonomi seperti yang dicadangkan oleh IMF supaya masalah yang dihadapi dapat segera diatasi.

Perdana Menteri Singapura yakin Indonesia dapat mengatasi krisis itu dengan melaksanakan pelbagai langkah seperti yang disepakati dengan IMF.

Dr Mahathir pula menyerahkan kepada kebijaksanaan Indonesia dalam melaksanakan program IMF untuk mengatasi krisis sekarang.

Beliau bagaimanapun yakin jika Indonesia dan negara Asean lain dapat meningkatkan perdagangan antara mereka tanpa mengguna mata wang dolar krisis sekarang dapat dibendung segera.

Selain itu, Amerika juga mengirinkan wakil khas Presiden iaitu Timbalan Setiausaha Perbendaharaan, Lawrence H Summers dan Setiausaha Pertahanan, William Cohen untuk berjumpa dengan Presiden Suharto dan meninjau sendiri keadaan yang berlaku di negara ini dan di sekitarnya.

IMF pula menghantar Pengarah Pelaksana, Michel Camdessus, untuk

berbincang dengan Presiden Suharto mengenai pakej bantuan badan itu kepada Indonesia untuk membantu negara ini menyelesaikan masalah ekonominya.

Hasil rundingan itu Presiden Suharto menandatangani MoU mengenai cadangan IMF untuk mengatasi krisis mata wang dan ekonomi Indonesia.

Cadangan itu termasuk oleh perubahan 50 perkara kepada Belanjawan 1998/99 yang dibentangkan oleh Presiden Suharto di MPR 6 Januari lalu.

Antara cadangan yang diusulkan ialah andaian kadar pertukaran rupiah daripada 4,000 rupiah bagi satu dolar Amerika kepada 5,000 rupiah bagi satu dolar Amerika.

Andaian kadar pertumbuhan daripada 2 peratus kepada 0 peratus dan kadar inflasi daripada 9 peratus kepada 20 peratus.

IMF juga mahu kerajaan memberi kuasa autonomi sepenuhnya kepada Bank Indonesia sebagai bank pusat dalam melaksanakan pelbagai langkah memperbaiki sektor perbankan dan kewangan.

Presiden Suharto juga setuju menubuhkan badan khas untuk mengawasi dan menyelia pelaksanaan perubahan dan penyusunan semula yang dicadangkan IMF bagi memulihkan ekonomi Indonesia.

Dalam pertemuan dengan wartawan selepas upacara menandatangani memorandum itu, Presiden Suharto yakin ekonomi Indonesia akan pulih dalam tempoh yang singkat dengan sokongan semua pihak terhadap langkah dan tindakan kerajaan.

(END)